

12 AUG 2003

Syed Hamid-G15

MALAYSIA SYOR ALGERIA JADI TUAN RUMAH SIDANG KEMUNCAK G15

Oleh: Mokhtar Hussein

ALGIERS, 12 Ogos (Bernama) -- Malaysia mencadangkan agar Algeria menganjurkan Sidang Kemuncak Kumpulan 15 (G15) setelah mesyuarat kerjasama negara-negara Selatan itu tidak dapat diadakan di Venezuela.

Syor itu dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Presiden Algeria Abdelaziz Bouteflika semasa pertemuan empat mata selama tiga jam di sini pada Isnin.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata bagaimanapun, soal itu perlu mendapat persetujuan semua negara anggota terlebih dahulu.

Pada masa yang sama, Malaysia bersetuju menyokong usaha Algeria untuk menjadi anggota tidak tetap dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kata Syed Hamid kepada wartawan Malaysia selepas pertemuan dua pemimpin berkenaan.

Setakat ini usaha Algeria itu telahpun mendapat sokongan Pertubuhan Kesatuan Afrika dan juga Liga Negara-negara Arab.

Syed Hamid berkata Algeria sebaliknya menyatakan kesediaannya untuk memberi sepenuh kerjasama kepada Malaysia dalam memainkan peranan dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Mengenai kerjasama ekonomi pula, Syed Hamid berkata Bouteflika bersetuju dengan syor Dr Mahathir agar diwujudkan kerjasama kewangan dan perbankan antara kedua-dua negara bagi memudahkan pelaburan secara langsung.

"Penubuhan bank Malaysia di Algeria merupakan antara syor bagi mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan Malaysia di Algeria," katanya.

Beliau berkata kerajaan Algeria memperlihatkan harapan yang tinggi terhadap penglibatan Malaysia dalam penyediaan prasarana seperti perumahan, teknologi maklumat dan komunikasi serta pembinaan lebuhraya, lapangan terbang dan pelabuhan.

"Melihat kepada harapan tinggi itu, Perdana Menteri telah mengarahkan agar tindakan susulan diambil di peringkat menteri, pegawai dan ahli perniagaan bagi memastikan tercapainya hasrat tersebut," katanya.

-- BERNAMA

MOK MFJ ROS